

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PERASMIAN KILANG-KILANG SAMSUNG ELECTRONICS

TEMPAT: SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN

TARIKH: 24 FEB 1997

MASA:

1. Saya ucapkan terima kasih kepada pihak Pengurusan Samsung Electronics kerana sudi menjemput saya pada hari ini untuk merasmikan pembukaan tiga syarikat mereka. Pembukaan kompleks bernilai RM2 bilion ini melambangkan keyakinan syarikat ini terhadap suasana pelaburan yang terdapat di Malaysia.

2. Foreign Direct Investment (FDI) atau pelaburan langsung asing adalah penting dalam pertumbuhan ekonomi dan pembangunan Malaysia. Ianya telah menyumbang dengan nyata sekali kepada pembangunan ekonomi di Malaysia. Sejak dua setengah dekad yang lalu, kebanyakan keluaran pengilangan dan peningkatan pesat eksport Malaysia telah disumbang oleh aktiviti-aktiviti syarikat-syarikat multinasional, anak-anak syarikat dan syarikat sekutu mereka. Pelaburan yang dibuat oleh multinasional, terutama dalam industri elektronik, telah menerajui orientasi eksport negara sejak tahun 70an. Kejayaan Malaysia bukan hanya dalam menarik pelabur-pelabur multinasional ini untuk melabur di Malaysia, bahkan dalam menyediakan persekitaran yang secukup untuk mereka membesar dan mempelbagai operasi mereka selaras dengan keperluan pertumbuhan perniagaan mereka.

3. Industri elektrik dan elektronik terus menjadi subsektor utama dalam sektor perkilangan daripada segi keluaran, eksport dan gunatenaga. Dalam tempoh penggal kedua Pelan Induk Perindustrian Pertama dari tahun 1991 hingga 1995, sektor ini mencatatkan purata pertumbuhan keluaran sebanyak 30.7 peratus setahun, manakala sumbangannya kepada eksport dan gunatenaga mencatatkan kadar pertumbuhan purata sebanyak 30.1 peratus dan 16.8 peratus setiap satu.

4. Industri ini telah mengalami pengubahsuaian struktur. Industri elektronik pada hari ini merangkumi berbagai-bagai aktiviti termasuk pengeluaran komponen elektronik, sehingga kepada barangan pengguna elektronik. Keadaan sekarang berbeza dari tahun 70an di mana industri elektronik terhad kepada pengeluaran komponen elektronik sebanyak 85 peratus keluaran sektor berkenaan. Dengan kemasukan FDI yang tinggi serta pelaburan domestik pada penggal kedua tahun 80an pengeluaran barangan elektronik telah meningkat dengan pesatnya. Industri tersebut pada amnya telah mengatasi sektor-sektor industri yang lain

daripada segi keluaran dan pertumbuhan selama 25 tahun yang lalu. Pada hari ini, Malaysia merupakan pengeksporth utama barangan elektronik pengguna, peralatan elektrik pengguna dan semikonduktor. Industri tersebut juga telah mempelbagaikan kegiatan kepada aktiviti-aktiviti R & D. Ini terbukti dengan peningkatan jumlah syarikat multinasional yang menubuhkan pusat R & D mereka di negara ini.

5. Industri ini terus menjadi sektor utama daripada segi bilangan projek yang diluluskan dan juga menduduki tempat teratas daripada segi jumlah modal pelaburan yang diluluskan. Pada tahun 1996, sebanyak 215 projek telah diluluskan di dalam sektor ini, iaitu 27 peratus daripada 782 projek yang diluluskan di dalam sektor perkilangan. Projek-projek yang diluluskan ini melibatkan jumlah modal pelaburan bernilai RM13 bilion, iaitu kira-kira 38 peratus daripada jumlah pelaburan RM34.3 bilion yang diluluskan di dalam sektor perkilangan. Pelaburan langsung asing berjumlah RM9.2 bilion atau 71 peratus, manakala pelaburan tempatan pula ialah RM3.9 bilion atau 29 peratus.

6. Walaupun pelaburan dari Republik Korea tidak setinggi Jepun, Taiwan, Amerika Syarikat dan Singapura, tetapi pelaburan Korea telah naik mendadak dari tahun 1988. Dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini pelaburan Republik Korea merupakan salah satu daripada enam pelaburan utama di dalam sektor perkilangan. Sehingga akhir 1996, sebanyak 235 projek yang melibatkan pelaburan Korea bernilai RM4.6 bilion telah diluluskan bagi sektor perkilangan. Kebanyakan daripada pelaburan Korea adalah di dalam sektor keluaran barangan bukan logam, keluaran elektrik dan elektronik, kayu dan barangan kayu, barangan getah dan bahan kimia. Dalam tahun 1996 sahaja, sejumlah 18 projek dengan penyertaan modal dari Korea bernilai RM644.3 juta telah diluluskan bagi sektor perkilangan. Projek elektrik dan elektronik merupakan sebahagian besar yang diluluskan, dengan enam projek bernilai RM17.3 juta yang mempunyai penyertaan Korea. Samsung yang merupakan sebuah multinasional unggul di Korea, telah menyumbang ke arah keteguhan prestasi Malaysia di dalam industri elektronik dunia. Bagaimanapun terdapat ramai syarikat gergasi Korea yang aktif di Malaysia tidak membuat pelaburan yang bermakna. Saya harap mereka akan mencontohi Samsung.

7. Saya berbangga bahawa pelaburan utama Samsung berpusat di Komplek Seremban ini dan saya pasti negeri ini telah mendapat faedah daripada kehadiran operasi Samsung di sini. Saya juga percaya kompleks bernilai RM2 bilion yang mengeluarkan monitor warna, casis pemasangan, tiub sinar katod dan senapang elektron untuk penerima TV/monitor warna dan kaca panel tergilap dan serombong untuk tiub gambar warna, telah menyumbang kepada pembangunan ekonomi di negeri ini.

8. Kerajaan baru sahaja melancarkan Pelan Induk Perindustrian Kedua (PIP2) yang bertujuan untuk mencapai ekonomi 'Manufacturing Plus Plus'. Di bawah PIP2, syarikat-syarikat digalakkan untuk mempelbagaikan aktiviti-aktiviti mereka termasuk keupayaan rekabentuk dan kemahiran pemasaran, yang akan merintis jalan bagi pencapaian matlamat sektor perkilangan. Oleh itu, untuk terus berdaya saing, Malaysia kini sedang beralih daripada industri berintensifkan buruh dan memberi tumpuan kepada industri-industri berteknologi dan bernilai tambah yang tinggi, berintensifkan kepakaran dan modal dan di mana R & D menjadi komponen yang penting di dalam fasa pembangunan baru ini.

9. Pada masa ini, industri elektronik keseluruhannya berasaskan kepada pembuatan semikonduktor dan komponen lain, komputer dan perkakasan, kelengkapan telekomunikasi, barangan elektronik pengguna, kelengkapan elektrik dan peralatan elektrik industri. Teras masa depan di bawah PIP2 akan tertumpu kepada pengilangan semikonduktor dan komponen 'high-end', elektronik digital, peralatan dan kelengkapan profesional, kelengkapan industri dan perisian multimedia. Sebahagian daripada jumlah nilai ditambah pengilangan barangan industri elektrik dan elektronik terdiri daripada semikonduktor, komputer/perisian, elektronik pengguna, alat dan kelengkapan elektrik dijangka meningkat kepada 33.3 peratus pada tahun 2005, daripada 30.3 peratus pada masa sekarang. Adalah diharapkan rancangan masa depan Samsung di Malaysia akan tertumpu kepada keluaran dan aktiviti nilai ditambah yang tinggi yang merangkumi R&D rekabentuk dan prototaip, perkilangan, pengedaran dan pemasaran sejajar dengan strategi semasa untuk menggalakkan aktiviti-aktiviti tersebut di kalangan syarikat tempatan dan asing yang beroperasi di Malaysia.

10. Saya diberitahu satu daripada tiga perniagaan utama Samsung dalam abad ke-21 ialah di dalam bidang multimedia. Seperti yang tuan-tuan sedia maklum, Kerajaan telahpun melancarkan Koridor Raya Multimedia yang menawarkan pakej menarik untuk teknologi maklumat dan logistik infrastruktur, dasar pengawalan, insentif-insentif dan persekitaran yang secukupnya. Usaha Kerajaan dalam membangunkan MSC ini akan memperluaskan peluang-peluang di dalam industri teknologi maklumat. Ini akan mempercepatkan lagi usaha-usaha Malaysia untuk menjadi negara perindustrian dengan lebih cepat lagi. Samsung, syarikat yang telahpun mempunyai pelaburan yang besar di Malaysia, dialu-alukan untuk menempatkan aktiviti-aktiviti mereka yang berkaitan dengan multimedia di MSC.

11. Malaysia akan menjamin persekitaran pelaburan di Malaysia terus menarik dan 'cost-efficient' untuk syarikat-syarikat yang menubuhkan operasi sejagat mereka di sini. Oleh itu, saya berharap Samsung akan meneruskan

operasi pembesaran dan mempelbagaikan operasi mereka di Malaysia. Saya juga menggesa syarikat-syarikat lain, khususnya syarikat-syarikat Korea, sama ada yang besar atau yang sederhana untuk mencontohi kejayaan Samsung di Malaysia supaya menubuhkan operasi yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dan berintensifkan teknologi di negara ini.

12. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan syarikat-syarikat Samsung, iaitu Samsung Electron Devices (M) Sdn. Bhd., Samsung Corning (M) Sdn. Bhd., dan Samsung Electronics Display (M) Sdn Bhd.